

FUNGSI BAHAGIAN DAN UNIT-UNIT PEJABAT DAERAH SEGAMAT

PEJABAT DAERAH

PEMBANGUNAN

Merancang dan menyelaras pelaksanaan rancangan pembangunan fizikal dan masyarakat

PEMBANGUNAN FIZIKAL

1. Menenal pasti dan melaksanakan projek-projek pembangunan fizikal daerah
2. Memantau, menilai dan mengesahkan kemajuan pelaksanaan projek-projek pembangunan fizikal yang dilaksanakan.
3. Mengkaji dan menilai senarai cadangan projek tahunan yang dikemukakan oleh Y.B Wakil Rakyat dan Penghulu untuk dimajukan kepada Pejabat Pembangunan Negeri.
4. Mengurus dan melaksanakan peruntukan wakil rakyat (Dun & Parlimen) yang diluluskan.
5. Menerima, menyasiat dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap aduan awam.
6. Memeriksa, menentukan tapak, membuat peraturan-peraturan kerja, memberi ulasan, mengawasi dan pengesahan projek.
7. Menyediakan laporan kemajuan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan daerah kepada jawatankuasa tindakan daerah dan Pejabat Pembangunan Negeri.
8. Menyedia dan mengurus dokumen-dokumen tawaran/sebutharga dan tender untuk projek Negeri dan Persekutuan.
9. Mengurus kemasukan bekalan elektrik dan air luar Bandar.
10. Mengurus pengambilan balik tanah PBT) dan memberi ulasan permohonan serah balik dan kurnia semula (SBKS) bagi pelaksanaan Projek-projek pembangunan.
11. Menyediakan dan mengeluarkan spesifikasi kerja, pesanan dan inden sehingga ke peringkat proses pembayaran

PEMBANGUNAN MASYARAKAT

1. Mengurus dan menyelaras aktiviti mukim meliputi aspek sosio-ekonomi, keagamaan, pendidikan dan kebudayaan.
2. Menyelaraskan pelaksanaan program-program lain-lain jabatan, syarikat milik kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan.
3. Urusetia Majlis/Setiausaha bagi mesyuarat-mesyuarat majlis rasmi kerajaan, penghulu, JPMM dan JKKK.
4. Menyelaraskan kursus dan latihan bagi ketua kampung, JKKK, belia dan lain-lain pertubuhan.
5. Menyelia program skim bantuan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR).
6. Menyelia program Industri satu daerah satu Industri, satu mukim satu Industri dan satu kampung satu Industri.
7. Panel penasihat kepada program kesihatan, pusat dalam komuniti, persatuan-persatuan sukan, program gerak daya wawasan serta badan amal dan kebajikan.
8. Menyelaraskan gerak daya wawasan dalam menyediakan profil kampung dan desa cemerlang.
9. Menyelaraskan bantuan-bantuan am, orang tua, kanak-kanak, orang cacat dan bencana.
10. Mengerakkan sektor perlancongan tradisional dan baru.
11. Mengesahkan kerja-kerja bekalan dan perkhidmatan di mana yang dikehendaki.

KHIDMAT PENGURUSAN

Menguruskan hal ehwal pentadbiran, kewangan, teknologi maklumat, perlesenan dan penguatkuasaan, majlis keraian dan keselamatan

PENTADBIRAN & KEWANGAN

PENTADBIRAN AM

Melaksanakan tugas-tugas pentadbiran am yang berkaitan dengan hal ehwal perkhidmatan / perjawatan, permohonan pelan bangunan di luar kawasan pihak berkuasa tempatan dan perlesenan / penguatkuasaan.

KEWANGAN

Menguruskan dan mengawal belanjawan, hasil, kewangan am, inventori dan perlipusan harta modal.

TEKNOLOGI MAKLUMAT

Pusat pengumpulan data dan teknologi maklumat jabatan.

PERLESENAN

Memproses dan mengeluarkan lesen-lesen yang berkaitan dalam daerah mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan melalui enakmen, peraturan dan garis panduan kerajaan Negeri Johor yang berkuatkuasa.

Melaksana tugas-tugas penguatkuasaan lesen di bawah enakmen hiburan dan tempat-tempat hiburan 1998

MAJLIS DAN KERAIAN

1. Mengurus dan memberi khidmat nasihat protokol, istiadat, aturcara rasmi bagi program-program peringkat kebangsaan, negeri dan daerah.
2. Mengurus dan menyelaras majlis-majlis rasmi yang melibatkan pihak Istana dan Pejabat Menteri Besar Johor.
3. Menyelaraskan segala peruntukan majlis keraian peringkat daerah.

KESELAMATAN

Mengurus hal-hal berkaitan dengan keselamatan, pengurusan krisis dan bencana, serta lain-lain perkara yang mempunyai kaitan dengan keselamatan dan ketenteraman awam di bawah mekanisme Majlis keselamatan Negara.